



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA
KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM - NETWORKING MATCHING GRANT
2018
(UTM KTP-NMG 2018)**

Sekretariat:

Pusat Jaringan Komuniti dan Industri (CCIN) UTM

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA
KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM-NETWORKING MATCHING GRANT (UTM
KTP-NMG)**

Perkara	Keterangan
Objektif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sebagai dana “seed money” kepada penyelidik untuk memulakan jaringan dan libat sama komuniti dan industri. 2. Sebagai galakan dan insentif kepada penyelidik untuk memulakan jaringan dengan agensi, industri dan komuniti bagi menjalankan projek KTP yang memberi impak kepada komuniti, berkolaborasi dengan industri dan mempunyai nilai komersial. 3. Sebagai platform membantu penyelidik UTM mendapatkan geran luar daripada industri atau agensi yang memerlukan sumbangan Universiti untuk menjayakan projek KTP libat sama komuniti dan industri.
Syarat Khusus	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon mestilah terdiri daripada staf akademik tetap atau kontrak UTM. 2. Bagi pemohon staf akademik kontrak perlu melibatkan SATU (1) orang staf akademik bertaraf tetap sebagai ahli projek.
Syarat Permohonan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melibatkan kerjasama dengan sekurang-kurangnya DUA (2) rakan sinergi iaitu Komuniti, Industri atau Jabatan / Agensi kerajaan. 2. Bilangan minimum keahlian dalam projek penyelidikan ini adalah satu (1) orang staf akademik tidak termasuk Ketua Projek. 3. Bentuk projek adalah Program Pemindahan Ilmu (PPI) atau Pemindahan Teknologi (PPT).
Tempoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Maksimum tempoh projek adalah selama ENAM (6) bulan. 2. Bagi staf kontrak, tempoh projek penyelidikan mestilah tidak melebihi tempoh kontrak perkhidmatan.

Amoun	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jumlah peruntukan yang boleh dimohon untuk setiap projek adalah tidak melebihi RM 5,000.00. 2. Perbelanjaan adalah mengikut capping dalam v-siri seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Vot 11000 <ul style="list-style-type: none"> ○ Upah dan Elaun untuk Siswazah Pelatih (Graduate Intern) b. Vot 21000 <ul style="list-style-type: none"> ○ Perjalanan dan Pengangkutan ○ Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan dan pengangkutan bagi tujuan menghadiri persidangan dan yang berkaitan (selain daripada anjuran sekretariat) dalam negara dan luar negara adalah TIDAK dibenarkan. c. Vot 23000 <ul style="list-style-type: none"> ○ Perhubungan dan Utiliti ○ Pembiayaan telefon, fax, pos biasa, mel udara, mel berdaftar dan ekspres d. Vot 24000 <ul style="list-style-type: none"> ○ Sewaan ○ Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan projek sahaja. e. Vot 27000 <ul style="list-style-type: none"> ○ Bekalan dan Bahan Projek ○ Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek sahaja dibenarkan. f. Vot 29000 <ul style="list-style-type: none"> ○ Perkhidmatan Ikhtisas ○ Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek. g. Vot 50000 <ul style="list-style-type: none"> ○ Bayaran Kos Pengurusan V50000 (2.5% dari jumlah permohonan) akan dikenakan bagi projek yang berjaya dan ketua projek perlu memasukkan kos bayaran pengurusan di dalam kertas kerja. 3. Tidak dibenarkan untuk pembelian aset atau alatan V35000
Output	<ol style="list-style-type: none"> 1. Output projek ini adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a. Satu penerbitan dengan sekurang-kurangnya satu bab bagi “Edited Book”.

	<p>b. Satu “matching grant” daripada penaja luar seperti industri atau agensi dengan nilai projek sekurang-kurangnya sama dengan dana UTM KTP-NMG yang diberikan.</p>
Proses Permohonan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Proposal dengan dokumen sokongan yang lengkap perlu dikemukakan kepada Pusat Jaringan Komuniti & Industri (CCIN) sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan mengikut format yang ditetapkan. 2. Permohonan yang telah berjaya akan dimaklumkan oleh CCIN serta surat lantikan Ketua Projek akan diedarkan. 3. Projek yang berjaya perlu didaftarkan dengan lengkap secara atas talian di https://radis.utm.my.
Penilaian Proposal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kelulusan adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan dana yang diterima bagi tahun semasa juga pertimbangan Pengarah CCIN selaku Pengerusi Geran UTM KTP-NMG. 2. Kelulusan projek adalah tertakluk kepada keputusan Ahli Jawatankuasa Penilaian yang telah dilantik oleh Pejabat CCIN. 3. Penilaian oleh Ahli Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan KTP.
Keputusan	Keputusan penilaian dan pemilihan proposal adalah muktamad.
Pemantauan Projek	<ol style="list-style-type: none"> 1. Implementasi dana UTM KTP-NMG: <ol style="list-style-type: none"> a. Semua projek yang diluluskan di bawah dana UTM KTP-NMG perlu dipantau dari aspek prestasi projek; dan prestasi kewangan. 2. Pengawasan dana dana UTM KTP-NMG: <ol style="list-style-type: none"> a. Segala urusan pembayaran perlu melalui pejabat CCIN dan segala perbelanjaan adalah berdasarkan pekeliling Bendahari UTM. b. Laporan akhir projek dalam bentuk bab dalam Edited Book perlu dihantar melalui RADIS selepas projek selesai. c. Dana “matching grant” yang telah diterima daripada penaja luar perlu didaftarkan di sistem RADIS.

SEBARANG PERTANYAAN / MAKLUMAT TAMBAHAN SILA HUBUNGI:

SEKRETARIAT UTM KTP-NMG 2018

Pejabat Utama UTM Johor Baharu

PUSAT JARINGAN KOMUNITI DAN INDUSTRI

Centre for Community and Industry Network (CCIN)

Taman Tasik Tropika UTM,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Skudai, Johor

Telefon pejabat : 019-7510159

Email rasmi: ccin@utm.my

Cawangan UTM-Kuala Lumpur

PUSAT JARINGAN KOMUNITI DAN INDUSTRI

Centre for Community and Industry Network (CCIN)

J3 203 I, Aras 2

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Universiti Teknologi Malaysia

Jalan Sultan Yahya Petra

54100 Kuala Lumpur

Malaysia

Telefon pejabat : 03-2615 4828

Email rasmi: ccin@utm.my